



Aktiviti-aktiviti bergotong-royong membersihkan sekolah.

## Usim terus bantu mangsa banjir

**NILAI** – Lebih 300 sukarelawan SMART Team Usim, terdiri daripada gabungan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Usim (Pragmatis), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM) berganding bahu melaksanakan misi bantuan pasca banjir di Kelantan dan Pahang sejak awal Januari lalu.

Terbaru, misi bantuan diteruskan ke

Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi, Gua Musang dengan bantuan difokuskan kepada pembersihan masjid, dewan orang ramai, sekolah dan kediaman penduduk serta pengagihan barangan berupa makanan, barang keperluan harian seperti sejadah, pakaian dan air mineral.

Tabung Haji Properties turut menyumbang keperluan asas memasak, kelengkapan mandian, kelengkapan solat untuk Muslim serta lima unit 'water jet'

untuk tujuan pembersihan yang mana jumlah sumbangan bernilai RM50,000.

Naib Canselor Usim, Prof Dato' Dr Musa Ahmad berkata, susulan Mesyuarat Khas Ops Banjir yang dipengerusikan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan yang diadakan pada 31 Disember lalu, Usim diberi tanggungjawab untuk memfokuskan misi bantuan dan sukarelawan pasca banjir ke Gua Musang, Kelantan.